

Khidmat keretapi: Penyertaan swasta diperjelas

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Penyertaan pihak swasta dalam keretapi hanya meliputi pembinaan landasan baru serta pengendalian perkhidmatan untuk landasan itu sahaja, jelas Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu (KTM), Encik Ahmad Badri Mohamed Basir, hari ini.

Ini tidak termasuk landasan dan perkhidmatan KTM yang sedia ada sekarang, katanya.

"Landasan yang sedia ada ini akan terus berjalan sehingga ke satu masa kelak apabila ia tidak diperlukan lagi," katanya ketika mengulas kekeliruan mengenai "menswastakan" perkhidmatan KTM di sidang akhbar di sini.

Menurutnya, banyak kekeliruan timbul mengenai konsep "menswastakan" perkhidmatan keretapi berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menarik pihak swasta dalam pembangunan keretapi.

Katanya, KTM akan memberhentikan perkhidmatannya apabila tiba masanya untuk "memberi jalan" kepada

pihak swasta mengendalikannya sepenuhnya.

Adalah difahamkan, perkhidmatan KTM diberhentikan sebak sahaja landasan baru itu bernilai \$14,000 juta siap dibina dalam tempoh enam tahun dan bermulanya perkhidmatan keretapi yang menggunakan landasan baru itu.

Encik Ahmad Badri berkata, landasan baru itu, jika diluluskan oleh kerajaan, akan dibina dari Butterworth ke Pasir Gudang dan dari Kuala Lumpur ke Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Baharu.

"Pihak swasta akan mengendalikan perkhidmatan keretapi yang akan menggunakan landasan baru itu," tambahnya.

Bellau tidak menafikan bahawa dengan landasan baru itu, perkhidmatan keretapi akan lebih baik dan dapat mempercepatkan perjalanan dengan kelajuan maksimum 160 kilometer sejam.

Tetapi, tambahnya, pemilihan syarikat-syarikat untuk mengendalikannya belum dibuat kerana perkara-perkara terperinci seperti corak, skop, cara, bentuk mengenai penyertaan sektor itu masih dalam

kajian.

Katanya, KTM sedang menyiapkan laporan mengenainya sebelum mengemukakannya kepada kerajaan dan keputusannya bergantung kepada kajian terakhir yang dijalankan oleh Perbadanan Antarabangsa-Jepun (JICA).

"Besarnya kemungkinan keputusannya diumumkan menjelang akhir tahun ini," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengumumkan baru-baru ini bahawa sektor swasta akan mengendalikan perkhidmatan keretapi antara Butterworth dan Pasir Gudang dan Kuala Lumpur dengan Cukai, Terengganu tidak lama lagi.

Mengenai masa depan kira-kira 10,000 kakitangan KTM yang masih berkhidmat jika perkhidmatannya diberhentikan, Encik Ahmad Badri menjelaskan:

"Kami sedang berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai satu skim untuk menyerapkan mereka ke jabatan-jabatan kerajaan yang lain atau diambil bekerja dengan syarikat baru yang mengendalikan perkhidmatan keretapi."